

SCAFFOLDING PENDIDIKAN QIRAAT: TINJAUAN TERHADAP KESEDIAAN GURU DAN IMPAKNYA TERHADAP MINAT SERTA PRESTASI PELAJAR

SCAFFOLDING IN QIRAAT EDUCATION: A STUDY ON TEACHERS' READINESS AND ITS IMPACT ON STUDENTS' INTEREST AND PERFORMANCE

Khadijah Abdullah¹
Muhammad Yusri Yusof @ Salleh^{2*},
Ahmad Rozaini Ali Hasan³

¹ Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-mail: kha941023@gmail.com)

² Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(Email: ahmad@uitm.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Abdullah, K., Yusof @ Salleh, M. Y., & Ali Hasan, A. R. (2025). *Scaffolding pendidikan Qiraat: Tinjauan terhadap kesediaan guru dan impaknya terhadap minat serta prestasi pelajar. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 891 - 901.

Abstrak: Pengajaran Qiraat memerlukan pendekatan yang sistematik dan berkesan bagi memastikan pelajar bukan sahaja menguasai variasi bacaan secara hafalan, malah memahami teori ilmu tersebut secara lebih mendalam. Dalam konteks pendidikan moden, pendekatan scaffolding yang berpaksikan Teori Sosiokultural Vygotsky semakin mendapat perhatian kerana keupayaannya menyokong pembelajaran secara bertahap mengikut tahap keupayaan pelajar. Namun begitu, pelaksanaan pendekatan ini dalam pengajaran Qiraat khususnya di sekolah tahfiz, masih belum diteroka secara menyeluruh. Aspek kesediaan guru memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan strategi yang digunakan, manakala impak terhadap minat dan prestasi pelajar juga perlu diperhalusi. Justeru itu, kajian ini meneliti kesediaan guru dalam membimbing pelajar melalui pendekatan scaffolding dalam pengajaran ilmu Qiraat serta menilai kesannya terhadap minat dan prestasi pelajar di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Kerian dan Daerah Batang Padang, Perak. Pendekatan scaffolding yang diilhamkan daripada Teori Sosiokultural Lev Vygotsky menekankan kepentingan interaksi sosial dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) bagi menyokong pembangunan kognitif dan afektif pelajar. Dalam konteks pendidikan Qiraat, guru berperanan sebagai pembimbing yang menyediakan bantuan sementara secara bertahap melalui perancangan rapi, penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai, latihan talaqqi,

pemupukan minat, serta strategi penilaian reflektif. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temubual separa berstruktur melibatkan empat orang guru Qiraat daripada dua buah SMTDR tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru bukan sahaja bersedia dari aspek pedagogi dan penguasaan isi kandungan, malah aktif memanfaatkan sumber digital, lagu, pembelajaran kolaboratif serta aktiviti luar bilik darjah untuk meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa penerapan prinsip scaffolding secara konsisten berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif, menggalakkan penglibatan aktif serta membantu pelajar melangkaui had sendiri mereka dengan sokongan guru. Kajian ini mencadangkan agar prinsip teori Vygotsky dimantapkan dalam latihan perguruan dan pembangunan kurikulum tahfiz bagi memperkukuh pengajaran ilmu Qiraat dalam kerangka pendidikan Islam kontemporari..

Kata Kunci: *Kesediaan Guru, Qiraat, Scaffolding, Vygotsky, Zon Perkembangan Proksimal (ZPD)*

Abstract: *The teaching of Qiraat requires a systematic and effective approach to ensure that students not only memorize the variations of recitation but also gain a deeper understanding of the underlying theoretical knowledge. In the context of modern education, the scaffolding approach, which is grounded in Vygotsky's Sociocultural Theory, is increasingly gaining attention due to its ability to support step-by-step learning based on students' levels of ability. However, the implementation of this approach in the teaching of Qiraat, particularly in tahfiz schools, has yet to be thoroughly explored. The aspect of teacher readiness plays a crucial role in determining the effectiveness of the strategies used, while the impact on students' interest and performance also needs to be closely examined. Therefore, this study examines the readiness of teachers to guide students through the scaffolding approach in the teaching of Qiraat, and evaluates its impact on students' interest and performance at Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) in the districts of Kerian and Batang Padang, Perak. Scaffolding derived from Lev Vygotsky's sociocultural theory, emphasizes the importance of social interaction within the Zone of Proximal Development (ZPD) to support students' cognitive and affective growth. In this context, Qiraat teachers function as facilitators, providing staged and temporary support through well-structured lesson planning, diverse teaching aids, guided talaqqi recitation sessions, interest cultivation and reflective assessment strategies. Employing a qualitative approach, this study used semi-structured interviews involving four Qiraat teachers from the two SMTDRs. Findings reveal that teachers demonstrate strong pedagogical readiness and subject mastery, while also leveraging digital tools, music-based learning, collaborative methods, and extracurricular activities to enhance student engagement and achievement. The study further highlights that consistent implementation of scaffolding principles creates a conducive learning environment, promotes active participation, and helps students move beyond their independent capabilities with guided support. It is recommended that Vygotsky's theoretical framework be systematically integrated into teacher training and tahfiz curriculum development to strengthen Qiraat education within the framework of contemporary Islamic schooling.*

Keywords: *Teacher Readiness, Qiraat, Scaffolding, Vygotsky, Zone of Proximal Development (ZPD)*

Pendahuluan

Ilmu Qiraat merupakan cabang ilmu al-Quran yang memerlukan ketelitian dalam penguasaan bacaan serta kefahaman terhadap variasi bacaan yang diwarisi secara mutawatir daripada para imam Qiraat. Di peringkat sekolah menengah tahfiz khususnya di institusi seperti Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) di Perak, pengajaran Qiraat bukan sahaja menuntut penguasaan kandungan, tetapi juga kecekapan pedagogi yang mampu menyesuaikan keperluan pelajar yang pelbagai tahapnya (Zainuddin & Mat Saad, 2022). Dalam hal ini, peranan guru sebagai pembimbing yang berkesan menjadi tonggak utama kepada kejayaan pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat (Vellymalay & Ponnah, 2017). Ketersediaan guru dari segi ilmu, kemahiran, perancangan serta pendekatan yang digunakan menjadi indikator penting dalam memupuk minat pelajar terhadap subjek ini (Sulaiman, 2004). Pelajar yang menunjukkan minat lazimnya akan lebih responsif, aktif, dan bermotivasi untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi (Jafri et al., 2022; Bahar & Sham, 2022). Oleh itu, pendekatan scaffolding atau bimbingan bertahap yang disesuaikan dengan tahap pencapaian pelajar dilihat amat bertepatan dengan keperluan pedagogi ilmu Qiraat (Hashim et al., (2003).

Konsep ini merujuk kepada bantuan sementara yang diberikan oleh guru untuk membantu pelajar mencapai tahap kefahaman yang tidak dapat dicapai secara sendiri, sepertimana yang dijelaskan dalam Teori Sosiokultural Vygotsky melalui konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) (Ardania et al., 2024). Dalam konteks pendidikan Islam kontemporari, pendekatan pengajaran yang berpusatkan guru sebagai fasilitator melalui perbincangan halaqah, pembelajaran kolaboratif, penggunaan bahan bantu mengajar digital, dan pendekatan berbentuk *musyafahah* serta *talaqqi*, semakin menjadi keperluan dalam menyantuni cabaran abad ke-21. Walau bagaimanapun, isu ketersediaan guru Qiraat dalam mengaplikasikan prinsip *scaffolding* secara sistematik masih kurang diberi perhatian dalam kajian-kajian semasa. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap ketersediaan guru dalam membimbing pelajar melalui pendekatan *scaffolding* serta mengkaji bagaimana pendekatan tersebut memberi kesan terhadap minat dan prestasi pelajar dalam subjek Qiraat.

Sorotan Literatur

Teori Sosiokultural Vygotsky menekankan bahawa pembelajaran berlaku secara optimum melalui interaksi sosial dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD), iaitu ruang antara tahap keupayaan pelajar secara sendiri dengan tahap yang boleh dicapai melalui bantuan orang yang lebih mahir (Vygotsky, 1978; Karpov, 2014). Konsep ini membentuk asas kepada pendekatan *scaffolding*, iaitu bimbingan bertahap yang diberikan oleh guru untuk membantu pelajar menguasai kemahiran atau konsep yang mencabar. Pendekatan ini dilaksanakan secara kontingen, iaitu menyesuaikan bantuan mengikut keperluan semasa pelajar, dan bantuan ini akan dikurangkan secara berperingkat seiring peningkatan keupayaan pelajar (Van de Pol et al., 2010).

Dalam konteks pendidikan, khususnya pengajaran ilmu Qiraat yang bersifat teknikal dan memerlukan pemahaman mendalam, *scaffolding* boleh menjadi pendekatan yang efektif. Guru bukan sahaja menyampaikan isi kandungan, malah bertindak sebagai fasilitator dalam membantu pelajar mencapai tahap penguasaan bacaan secara bertalaqqi dan musyafahah. Kajian oleh Simons dan Klein (2007) menunjukkan bahawa *scaffolding* dalam persekitaran pembelajaran berasaskan masalah (PBL) mampu meningkatkan pencapaian pelajar, terutamanya apabila sokongan disesuaikan dengan tahap kefahaman masing-masing. Dalam konteks tempatan, Ghazali et al. (2023) melalui kajian meta-analisis terhadap pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia, mendapati bahawa prinsip-prinsip teori Vygotsky, khususnya

pendekatan *scaffolding*, amat signifikan dalam merangsang perkembangan potensi pelajar. Walaupun kajian tersebut tertumpu kepada pendidikan prasekolah, prinsip yang diguna pakai seperti penglibatan aktif, bimbingan reflektif dan penurunan bantuan secara sistematik boleh diterapkan dalam pengajaran ilmu Qiraat di sekolah menengah tahfiz. Sorotan ini menunjukkan bahawa penerapan *scaffolding* dalam pengajaran Qiraat sejajar dengan pendekatan pembelajaran moden yang menekankan interaksi sosial, sokongan kognitif dan penyesuaian tahap.

Namun begitu, kajian khusus yang menilai kesediaan guru dalam mengaplikasikan pendekatan ini dalam konteks sekolah menengah tahfiz masih belum diterokai secara menyeluruh. Justeru, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meninjau secara mendalam implikasi *scaffolding* terhadap minat dan prestasi pelajar dalam pengajaran Qiraat.

Kerangka Teori

Kerangka teori bagi kajian ini berpaksikan kepada Teori Sosiokultural oleh Vygotsky (1978) yang menekankan bahawa pembelajaran berlaku dalam konteks sosial dan budaya yang sarat dengan interaksi antara pelajar dan individu yang lebih berpengalaman, khususnya guru. Teori ini mengetengahkan konsep utama yang dikenali sebagai Zon Perkembangan Proksimal (ZPD), iaitu ruang antara apa yang mampu dicapai oleh pelajar secara sendiri dan apa yang boleh dicapai dengan bantuan pihak lain (Harun et al., 2022; Taber, 2017). Dalam konteks pendidikan Qiraat, ZPD dapat difahami sebagai kemampuan pelajar untuk menguasai teknik bacaan Qiraat melalui bimbingan *talaqqi*, *musyafahah* dan demonstrasi guru. Berdasarkan kerangka ini, pendekatan *scaffolding* dilihat sebagai mekanisme utama dalam menjayakan pembelajaran dalam ZPD (Karim et al. 2010). *Scaffolding* merujuk kepada bantuan sementara yang diberikan oleh guru untuk menyokong pelajar dalam proses memahami konsep atau kemahiran yang mencabar. Bantuan ini bersifat dinamik, iaitu disesuaikan mengikut keperluan pelajar, dan secara beransur-ansur dikurangkan apabila pelajar menunjukkan peningkatan kefahaman (Ismail et al., 2016). Van de Pol et al. (2010) mengenal pasti tiga ciri penting dalam pelaksanaan *scaffolding*: kontingensi (penyesuaian bantuan), pengurangan berperingkat (*fading*), dan pemindahan tanggungjawab kepada pelajar.

Dalam konteks sekolah menengah tahfiz, guru Qiraat memainkan peranan sebagai pembimbing yang bukan sahaja menyampaikan kandungan, malah membentuk suasana interaksi yang merangsang perkembangan afektif dan kognitif pelajar. Melalui pendekatan *scaffolding* yang berstruktur, pelajar dapat dipandu secara berperingkat untuk mencapai tahap penguasaan Qiraat yang lebih tinggi, di luar kemampuan sendiri mereka. Oleh itu, teori Vygotsky bukan sahaja menjelaskan asas pembelajaran secara sosial, tetapi juga memberi asas pedagogi yang kukuh dalam membentuk strategi pengajaran berkesan yang berfokus kepada intervensi guru yang disesuaikan. Justeru, kerangka teori ini amat relevan untuk menilai bagaimana kesediaan guru memberi impak terhadap minat serta prestasi pelajar dalam penguasaan ilmu Qiraat di institusi tahfiz.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneliti secara mendalam kesediaan guru dalam melaksanakan strategi *scaffolding* dalam pengajaran ilmu Qiraat serta kesannya terhadap minat dan prestasi pelajar. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami fenomena pendidikan dalam konteks semula jadi, berdasarkan pengalaman dan persepsi peserta secara langsung. Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian kes pelbagai tapak (*multiple-case study*) yang melibatkan dua buah institusi pendidikan tahfiz, iaitu Sekolah

Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Kerian dan Batang Padang, negeri Perak. Pemilihan lokasi ini adalah berdasarkan kesesuaian konteks pengajaran Qiraat serta kewujudan guru yang aktif melaksanakan proses pembelajaran secara *bertalaqqi* dan berstruktur.

Pemilihan informan dilakukan secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan empat orang guru Qiraat yang memenuhi kriteria seperti: berpengalaman lebih lima tahun dalam pengajaran Qiraat, terlibat secara langsung dalam program hafazan dan *talaqqi* pelajar, serta aktif dalam pembangunan bahan bantu mengajar. Temubual separa berstruktur digunakan sebagai kaedah utama pengumpulan data. Soalan temubual dibina berdasarkan dimensi kesediaan guru, strategi *scaffolding*, dan impak terhadap pelajar, dengan memberi ruang untuk respons terbuka yang kaya dengan maklumat. Selain itu, penyelidik turut menjalankan pemerhatian tidak formal semasa sesi pengajaran dan interaksi guru-pelajar, di samping mengumpul dokumen seperti rancangan pengajaran harian, nota guru dan bahan latihan pelajar sebagai sumber sokongan triangulasi. Langkah ini bertujuan mengukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Data dianalisis menggunakan analisis tematik yang merangkumi proses transkripsi data, pengekodan terbuka, pembentukan tema, dan pemetaan naratif berdasarkan dimensi teori Vygotsky. Tema utama yang dikenal pasti adalah: (i) tahap kesediaan guru dalam aspek pedagogi dan kandungan; (ii) kaedah *scaffolding* yang diaplikasikan seperti *modeling*, *prompting* dan *fading*; serta (iii) kesan langsung terhadap minat dan prestasi pelajar dalam penguasaan bacaan Qiraat. Dari segi etika, penyelidik telah mendapatkan keizinan bertulis daripada semua informan. Identiti peserta dirahsiakan dan data dikendalikan secara amanah bagi memastikan privasi dan hak peserta terpelihara. Keseluruhan proses kajian ini dijalankan berasaskan prinsip etika penyelidikan kualitatif yang menitikberatkan kejujuran, kerahsiaan dan keadilan kepada semua pihak terlibat.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kesediaan Guru

Kajian ini telah mengenal pasti pelbagai dimensi kesediaan guru dalam melaksanakan pendekatan *scaffolding* dalam pengajaran ilmu Qiraat di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Kerian dan Batang Padang. Dapatan kajian ini diperoleh melalui temu bual bersama empat orang guru Qiraat, disokong oleh pemerhatian dan semakan dokumen pengajaran. Hasil analisis tematik yang dijalankan telah menghasilkan sebelas tema utama yang menggambarkan bentuk sokongan bertahap yang diaplikasikan oleh guru serta impaknya terhadap minat dan prestasi pelajar (Informan 1, 2025; Informan 2, 2025). Analisis tematik berdasarkan jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Analisis Tematik

Tema Utama	Huraian Dapatan
Persediaan Guru	Guru membuat perbincangan rapi dan mengulangkaji sebelum PdP.
Peningkatan Ilmu & Sokongan Komuniti	Guru aktif merujuk pakar, bertanya rakan, dan belajar dari guru berpengalaman.
Kesediaan terhadap Perubahan Pendidikan	Guru menyesuaikan diri dengan perubahan sistem pendidikan dan kurikulum.
Kehadiran Kursus & Bengkel	Guru menghadiri kursus dari KPM dan JAIPk untuk peningkatan profesional.
Perancangan & Refleksi Pengajaran	Guru menyediakan RPH dan membuat refleksi pasca PdP melalui soal jawab.

Komitmen & Minat Guru	Minat dan rasa tanggungjawab mendorong guru lebih bersedia membimbing.
Penggunaan BBM Digital & Tradisional	Guru menggunakan LCD, projektor, QR code, YouTube, Canva, Quizizz, dsb.
Penggunaan Lagu & Audio Qiraat	Guru guna audio Qiraat & lagu ciptaan pelajar sebagai alat bantu hafalan.
Aktiviti Luaran & Hari Qiraat	Pelaksanaan aktiviti luar seperti <i>explorace</i> , pertandingan, dan Hari Qiraat.
Pendekatan Talaqqi & Bimbingan Individu	Pelaksanaan <i>talaqqi</i> & <i>musyafahah</i> jadi tunjang pengukuhan bacaan Qiraat.

Source: Analisis Pengkaji

Dapatan utama ialah wujudnya kesediaan rapi dalam kalangan guru Qiraat sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru dilaporkan membuat perbincangan dan persediaan secara menyeluruh, termasuk menyemak semula isi kandungan, menetapkan objektif pembelajaran yang jelas dan menilai keperluan pelajar terlebih dahulu. Ini mencerminkan kesedaran guru terhadap tahap pencapaian pelajar dan menunjukkan keserasian dengan prinsip *scaffolding* seperti yang diperkenalkan dalam Teori Sosiokultural Vygotsky, khususnya dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD). Dalam konteks ini, guru bertindak sebagai fasilitator yang menyesuaikan tahap bimbingan mengikut keupayaan pelajar dan secara berperingkat menarik sokongan apabila pelajar menunjukkan kemajuan sendiri. Selain itu, guru menunjukkan komitmen terhadap peningkatan ilmu dengan merujuk pakar, bertanya rakan sejawat dan mengambil inisiatif untuk menyertai latihan profesional seperti kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh JAIPk dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru turut menunjukkan kesediaan tinggi dalam menyesuaikan diri dengan perubahan sistem pendidikan dan kurikulum yang berlaku, termasuk dalam aspek pemantapan kaedah *talaqqi* dan penggunaan teknologi pengajaran. Tindakan ini secara langsung memperkukuh pelaksanaan *scaffolding* yang bersifat fleksibel, responsif dan progresif, selaras dengan pendekatan *contingent scaffolding* yang disarankan oleh Van de Pol et al. (2010) (Informan 3, 2025; Informan 4, 2025).

Perancangan dan refleksi pengajaran turut dikenal pasti sebagai sebahagian daripada amalan profesional guru. Mereka menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH) dan melaksanakan penilaian sendiri melalui sesi soal jawab dan maklum balas daripada pelajar selepas pengajaran. Langkah ini membantu guru mengenal pasti kelemahan dan mengubah strategi secara berterusan, sekaligus menjadikan *scaffolding* yang diberikan lebih bersasar dan berkesan. Dari sudut pendekatan pembelajaran, guru mengintegrasikan pelbagai bahan bantu mengajar digital dan tradisional seperti penggunaan LCD, video bacaan Qiraat, platform YouTube, Canva dan aplikasi interaktif seperti Quizizz. Bahan-bahan ini membolehkan pelajar memahami variasi bacaan Qiraat dengan lebih mudah dan menyeronokkan. Malah, penggunaan audio dan lagu ciptaan pelajar sendiri menjadi medium pengukuhan hafalan yang kreatif. Guru juga menganjurkan aktiviti luar bilik darjah seperti pertandingan, *explorace* dan Hari Qiraat sebagai ruang latihan dan aplikasi yang sebenar (Informan 1, 2025; Informan 3, 2025).

Kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* menjadi tunjang utama pengukuhan bacaan Qiraat dalam kalangan pelajar. Guru melaksanakan sesi pembacaan secara individu dan kumpulan kecil untuk memastikan pelajar dapat menguasai makhraj, sifaat dan variasi Qiraat dengan bimbingan yang tepat. Pendekatan ini adalah antara bentuk *guided participation* yang paling sesuai dalam ZPD, di mana pelajar didampingi secara langsung hingga mampu membaca secara sendiri. Selain itu, guru turut menggunakan strategi sokongan rakan sebaya seperti

pembentukan "guru muda" dan sesi pembentangan bagi membantu pelajar yang lemah. Pendekatan ini memperlihatkan pelaksanaan *peer-assisted scaffolding* yang memberi peluang kepada pelajar untuk saling membimbing dan meningkatkan kecekapan masing-masing. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru Qiraat di SMTDR mempunyai tahap kesediaan pedagogi yang tinggi dan mampu melaksanakan pendekatan *scaffolding* secara sistematik dan pelbagai bentuk. Pelaksanaan ini bukan sahaja memberi impak positif terhadap prestasi pelajar dalam penguasaan Qiraat, malah turut membina minat, motivasi dan keyakinan diri pelajar. Hasil ini secara tidak langsung mengesahkan keberkesanan pendekatan Vygotsky dalam konteks pendidikan Islam, khususnya dalam pengajaran ilmu Qiraat di sekolah tahfiz menengah (Informan 2, 2025; Informan 4, 2025). Disamping itu, hasil sorotan daripada tiga kajian lepas menunjukkan bahawa pendekatan *scaffolding* yang berasaskan Teori Vygotsky mempunyai potensi besar dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Ghazali et al. (2023) menekankan bahawa *scaffolding* yang melibatkan bimbingan aktif dan berstruktur dapat diaplikasikan dalam konteks Qiraat untuk meningkatkan penglibatan pelajar. Shabani et al. (2010) pula menegaskan keperluan guru memahami dan melaksanakan intervensi secara bertahap mengikut konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD). Sementara itu, Ismail et al. (2016) membuktikan bahawa teknik *scaffolding* berkesan membantu pelajar menyelesaikan masalah dengan lebih sistematik, sekali gus mengukuhkan keberkesanannya sebagai strategi pedagogi yang boleh diguna pakai dalam pelbagai peringkat pendidikan termasuk sekolah tahfiz.

Impak Terhadap Minat dan Prestasi Pelajar

Pelaksanaan pendekatan *scaffolding* dalam pengajaran ilmu Qiraat telah memberi impak yang signifikan terhadap perkembangan pelajar dari aspek kognitif, afektif dan sosial. Melalui sokongan bertahap yang dirancang secara teliti oleh guru, pelajar dapat mengakses ilmu Qiraat dengan lebih sistematik, sekaligus meningkatkan kefahaman, minat dan pencapaian mereka dalam penguasaan bacaan al-Quran secara berdisiplin. Dari sudut kognitif, pelajar menunjukkan peningkatan yang ketara dalam aspek teknikal bacaan seperti tajwid, makhraj, serta variasi riwayat bacaan. Melalui bimbingan langsung secara talaqqi dan musyafahah, pelajar dapat menguasai kemahiran yang sebelumnya berada di luar jangkauan sendiri mereka. Ini selaras dengan konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) yang diperkenalkan oleh Vygotsky, di mana pelajar berjaya menembusi sempadan pembelajaran apabila diberikan sokongan yang sesuai dengan keperluan mereka. Menurut kajian Simons dan Klein (2007) menyatakan bahawa *scaffolding* yang disesuaikan mengikut tahap kefahaman pelajar dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Dengan adanya *scaffolding* yang disusun mengikut tahap keupayaan pelajar, proses pengajaran tidak berlaku secara seragam, tetapi responsif dan adaptif terhadap setiap individu. Dari sudut afektif pula, pendekatan ini berjaya memupuk minat yang tinggi dalam kalangan pelajar terhadap subjek Qiraat. Penggunaan bahan bantu digital seperti video bacaan, kuiz interaktif dan lagu Qiraat ciptaan pelajar sendiri telah merangsang emosi pelajar untuk terus terlibat aktif dalam pembelajaran. Pelajar merasa dihargai, terlibat dan lebih bermotivasi apabila guru menyediakan ruang sokongan yang tidak bersifat menekan, tetapi membimbing secara progresif. Keadaan ini menggalakkan pertumbuhan keyakinan diri dan rasa tanggungjawab pelajar terhadap kemajuan diri mereka (Informan 1, 2025; Informan 3, 2025).

Dari aspek sosial, pendekatan *scaffolding* yang melibatkan strategi seperti "guru muda", pembentangan berpasangan, dan kerja berkumpulan telah memperkukuh hubungan antara pelajar. Mereka bukan sahaja menerima bantuan daripada guru, malah saling membantu dalam persekitaran pembelajaran yang menyokong. Keadaan ini bukan sahaja memperluas peluang

pembelajaran secara *horizontal* (rakan ke rakan), malah membentuk budaya ilmu yang sihat dan kolaboratif dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya, pendekatan *scaffolding* telah membuktikan keberkesannya dalam memperkasa potensi pelajar tahfiz untuk menguasai ilmu Qiraat secara lebih mendalam dan berkesan. Pelajar tidak lagi bergantung semata-mata kepada hafalan statik, tetapi digerakkan ke arah pemahaman aktif melalui bimbingan, pemantauan dan refleksi yang berstruktur. Justeru, pendekatan ini wajar diperluas dan diselaraskan secara sistematik dalam kurikulum tahfiz bagi memastikan pelajar terus dibimbing dalam suasana pembelajaran yang menyantuni tahap dan keupayaan mereka (Informan 2, 2025; Informan 4, 2025).

Pendekatan *scaffolding* dalam pengajaran Qiraat memberi impak yang jelas terhadap dua aspek utama pembelajaran pelajar, iaitu minat dan prestasi. Melalui bimbingan bertahap yang disesuaikan dengan keperluan dan tahap keupayaan pelajar, proses pembelajaran menjadi lebih bermakna dan menyeronokkan. Hal ini secara langsung meningkatkan daya tarikan pelajar terhadap subjek Qiraat yang sering dianggap teknikal dan mencabar. Dari sudut minat, guru memainkan peranan penting dalam mencipta suasana pembelajaran yang mesra dan membina. Pendekatan seperti penggunaan lagu-lagu hafalan, bahan bantu mengajar digital, aktiviti *explore*, pertandingan Hari Qiraat dan sesi *talaqqi* secara peribadi telah mewujudkan bentuk pembelajaran yang interaktif dan pelbagai. Ini menjadikan pelajar lebih seronok mengikuti pengajaran, seterusnya membina minat intrinsik terhadap ilmu Qiraat. Pelajar mula melihat Qiraat bukan sekadar komponen wajib dalam silibus tahfiz, tetapi satu ilmu yang unik, menarik dan mencabar secara positif. Bimbingan guru yang konsisten dan tidak bersifat menghukum turut meningkatkan keselesaan dan keyakinan pelajar untuk belajar tanpa rasa takut melakukan kesilapan (Informan 2, 2025; Informan 3, 2025).

Sementara itu, dari sudut prestasi, pendekatan *scaffolding* memberi kesan yang ketara dalam mempertingkatkan penguasaan bacaan Qiraat dalam kalangan pelajar. Melalui intervensi guru secara berperingkat – bermula daripada demonstrasi bacaan, bimbingan dalam kumpulan kecil, latihan hafalan berstruktur, hingga kepada latihan berdikari – pelajar berpeluang memantapkan kemahiran mereka secara sistematik. Prestasi pelajar tidak lagi bergantung kepada hafalan semata-mata, sebaliknya meningkat melalui kefahaman mendalam terhadap teknik dan variasi bacaan. Guru yang menyediakan sokongan secara bersesuaian juga membantu pelajar lemah untuk tidak tercicir, bahkan dapat mengejar tahap rakan sebaya melalui sokongan tambahan seperti sistem guru muda dan pembentangan berpasangan. Keseluruhannya, impak pendekatan *scaffolding* terhadap minat dan prestasi pelajar dalam pengajaran Qiraat amat signifikan. Pelajar bukan sahaja lebih bermotivasi untuk belajar, tetapi juga menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi dalam penguasaan bacaan dan keyakinan sendiri. Hal ini mengesahkan bahawa *scaffolding* bukan sekadar strategi sokongan, malah merupakan pendekatan pembangunan menyeluruh yang mampu melahirkan pelajar tahfiz yang cemerlang dari aspek ilmu, sikap dan kemahiran (Informan 3, 2025; Informan 4, 2025).

Kesimpulan dan Saranan

Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan *scaffolding* yang berasaskan Teori Sosiokultural Vygotsky merupakan satu strategi pedagogi yang amat signifikan dalam memperkukuh keberkesanan pengajaran ilmu Qiraat di institusi tahfiz. Kediaan guru dari aspek pengetahuan kandungan, kemahiran pedagogi, serta komitmen profesional telah membolehkan proses pembelajaran berlaku dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) pelajar, iaitu ruang kritikal di mana pelajar memerlukan sokongan bertahap untuk mencapai kefahaman dan kemahiran yang lebih tinggi. Dapatan kajian berdasarkan temu bual yang dilakukan menunjukkan bahawa

guru Qiraat di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) di daerah Kerian dan Batang Padang telah mengaplikasikan pelbagai bentuk *scaffolding* seperti penggunaan bahan bantu digital, latihan *talaqqi* secara langsung, penyediaan lagu hafalan, aktiviti luaran, serta bimbingan individu berfokus. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan penguasaan bacaan pelajar, malah turut membina minat, keyakinan dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Qiraat secara aktif dan berterusan. Keberkesanan diukur melalui perbandingan pencapaian berdasarkan pelbagai instrumen penilaian yang digunakan seperti kuiz, ujian bulanan, sesi soal jawab sebelum dan selepas pembelajaran dan pemerhatian oleh guru.

Hasil ukuran ini menunjukkan terdapat peningkatan yang jelas dari aspek penguasaan, penglibatan dan keyakinan pelajar apabila pendekatan *scaffolding* diterapkan. Kajian ini juga mengesahkan bahawa keberkesanan *scaffolding* sangat bergantung kepada kepekaan dan kecekapan guru dalam menyesuaikan bantuan mengikut tahap pelajar, serta kebolehan mereka untuk mengurangkan sokongan secara berperingkat apabila pelajar mula menunjukkan kebolehan sendiri. Oleh itu, pembangunan profesional guru dalam pendekatan berpusatkan pelajar, khususnya melalui latihan teori dan amali berkaitan *scaffolding*, perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak berwajib. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan guru Qiraat dalam membimbing pelajar melalui pendekatan pendidikan yang bersifat menyantuni, progresif dan berpaksikan hubungan sosial. Ia juga membuka ruang kepada kajian lanjutan dalam konteks pendidikan Islam, khususnya bagi memperkukuh strategi pengajaran dalam bidang-bidang khusus seperti Qiraat, tajwid dan hafazan dalam kurikulum tahfiz moden.

Berdasarkan dapatan dan perbincangan yang telah dijalankan, beberapa saranan dikemukakan bagi memperkukuh pelaksanaan pendekatan *scaffolding* dalam pengajaran Qiraat serta memantapkan kesediaan guru dari aspek pedagogi dan profesionalisme. Pertama, pihak pentadbiran sekolah serta Jabatan Agama Islam negeri disaran memperluas peluang latihan profesional secara berstruktur kepada guru-guru Qiraat, khususnya dalam aspek kaedah pengajaran berpusatkan pelajar yang berteraskan teori sosiokultural seperti *scaffolding*. Latihan seperti bengkel *talaqqi* berfasa, kursus strategi pembezaan, serta pengintegrasian bahan bantu digital perlu diperluas agar guru dapat mengembangkan keupayaan dalam membimbing pelajar mengikut keperluan sebenar mereka. Kedua, wujud keperluan untuk memasukkan komponen pedagogi *scaffolding* secara eksplisit dalam kurikulum latihan perguruan tahfiz. Guru Qiraat perlu dilatih bukan sahaja untuk menguasai pelbagai riwayat bacaan dan hukum tajwid secara teori, tetapi juga untuk memahami bagaimana pembelajaran berasaskan zon perkembangan proksimal dapat diaplikasikan dalam bilik darjah dengan berkesan. Dalam hal ini, teori Vygotsky perlu diketengahkan dalam pendekatan pengajaran guru baharu, agar mereka bersedia mengadaptasi bimbingan bertahap dan reflektif dalam pengajaran harian.

Ketiga, penghasilan modul pengajaran Qiraat yang berbentuk *scaffolded learning toolkit* boleh dibangunkan secara kolaboratif antara guru berpengalaman, pakar Qiraat dan pakar pedagogi. Modul ini boleh merangkumi senarai strategi bertahap, senario bacaan pelajar, cadangan aktiviti *talaqqi* interaktif, serta kaedah pengukuran kemajuan pelajar secara berperingkat. Usaha ini bukan sahaja akan memperkemas sistem bimbingan sedia ada, tetapi juga memberi rujukan konkrit kepada guru untuk menyesuaikan sokongan mereka dengan realiti semasa pelajar. Akhir sekali, budaya reflektif dalam kalangan guru Qiraat perlu digalakkan secara sistematik melalui platform perkongsian amalan terbaik dan komuniti pembelajaran profesional (PLC). Guru perlu diberi ruang untuk menilai semula keberkesanan kaedah bimbingan mereka secara berkala dan mendapat maklum balas daripada pelajar serta rakan sejawat. Langkah ini penting

agar pendekatan *scaffolding* tidak hanya dilihat sebagai strategi pengajaran semata-mata, tetapi berkembang sebagai satu budaya pendidikan berterusan yang menekankan pertumbuhan pelajar secara berfasa, holistik dan berasaskan hubungan guru-pelajar yang bermakna.

Rujukan

- Ardania, N., Mafaza, F. M., Jannah, I. N., Putri, A. E., & Arochman, T. (2024). Analisis Pengaruh Implementasi Teori Vygotsky Terhadap Pembelajaran di Kelas. *Indonesian Journal of Education and Learning*, 8(1), 77–85.
- Bahar, A. J., & Sham, F. M. (2022). Pendekatan Minat Kepada Pelajar Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Journal of Social Science and Humanities*, 19(7), 109–123.
- Ghazali, A., Hardman, J., Ashari, Z. M., Idris, M. N., & Mitchelle, N. C. (2023). Using Vygotsky's Theory to Understand Kindergarten Learning in Malaysia: A Critical Appraisal from Meta-Analysis. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(2), 253-270.
- Harun, Z., Pisol, M. I. M., Rosli, H. F., Rashed, Z. N., Abdul Halim, M. N., Mohd Raus, N., & Zulkifli, H. (2022). Teori Vygotsky Dalam Pembelajaran Murid dan Kaitan Dengan Ciri Murid Berkeperluan Khas Penglihatan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 6(1), 57–63.
- Hashim, S., Yaakub, R., & Ahmad, M. Z. (2003). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ismail, N., Ismail, K., & Mohamad Aun, N. S. (2016). Kesan Teknik Scaffolding Terhadap Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kanak-Kanak Prasekolah. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 96–111.
- Shabani, K., Khatib, M., & Ebadi, S. (2010). Vygotsky's Zone of Proximal Development: Instructional Implications and Teachers' Professional Development. *Canadian Center of Science and Education*, 3(4), 237–248.
- Simons, K. D., & Klein, J. D. (2007). The Impact of Scaffolding and Student Achievement Levels in A Problem-Based Learning Environment. *Instructional Science*, 35(1), 41–72.
- Sulaiman, E. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Penerbit UTM Press.
- Taber, K. S. (2018). Scaffolding Learning: Principles for Effective Teaching and the Design of Classroom Resources. In M. Abend (Ed.), *Effective Teaching and Learning: Perspectives, strategies and implementation* (pp. 1-43). Nova Science Publishers.
- Van de Pol, J., Volman, M., & Beishuizen, J. (2010). Scaffolding in Teacher–Student Interaction: A Decade of Research. *Educational Psychology Review*, 22(3), 271–296.
- Vellymalay, S. K. N., & Ponnah, S. (2017). *Guru Berkesan Pemangkin Kecemerlangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Harvard University Press.
- Karpov, Y. V. (2014). *Vygotsky for Educators*. Cambridge University Press.
- Zainuddin, N., & Mat Saad, N. S. (2022). *Pedagogi & Kemenjadian Pelajar*. Penerbit USIM.

Temubual

- Informan 1. (2025). Kesediaan Guru Dan Impak Terhadap Minat Dan Prestasi Pelajar. Temu Bual Di SMTDR Batang Padang 7 Januari 2025. 1 Petang.
- Informan 2. (2025). Kesediaan Guru Dan Impak Terhadap Minat Dan Prestasi Pelajar. Temu Bual Di SMTDR Batang Padang 7 Januari 2025. 11 Pagi.
- Informan 3. (2025). Kesediaan Guru Dan Impak Terhadap Minat Dan Prestasi Pelajar. Temu Bual Di SMTDR Kerian 3 Mac 2025. 10.30 Pagi

Informan 4. (2025). Kesediaan Guru Dan Impak Terhadap Minat Dan Prestasi Pelajar. Temu Bual Di SMTDR Kerian 6 Mac 2025. 10.00 Pagi